

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN MINGGU KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN UniMAP PADA 9 FEBRUARI 2009

Bismillah Hirrahman Nirrahim.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Akademik Dan Antarabangsa),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Penyelidikan Dan Inovasi),

Yang Berusaha Lt. Kol. (B) Azuddin Bin Bahari, Penyelaras Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, merangkap Penggerusi Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

Para peserta kursus dari UniMAP dan IPT Perlis, seterusnya para hadirin yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana memberi taufik dan hidayah kepada kita untuk bersama-sama pada hari yang berbahagia ini untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada pagi ini.

Hadirin sekalian,

Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini adalah yang pertama kalinya diadakan di UniMAP. Saya amat berbangga dan berbesar hati kerana walaupun kali pertama diadakan, ia telah mendapat sambutan yang hangat di kalangan staf UniMAP dan juga institusi pengajian tinggi lain di Perlis. Kesedaran seperti inilah yang dikehendaki oleh pihak universiti supaya dapat mengubah budaya kerja ke arah yang lebih selamat dan sihat pada masa hadapan.

Hadirin sekalian,

Sepanjang minggu ini berlangsung pelbagai aktiviti telah dirancang oleh pihak sekretariat bagi membolehkan para peserta mendapat manfaat yang sebaiknya dan dapat disampaikan kepada rakan-rakan yang lain di PTj masing-masing.

Antara aktiviti-aktiviti yang dirancang adalah seperti Kursus **Keselamatan dan Kesihatan di Pejabat, Kursus Pertolongan Cemas Asas, Kursus Pemahaman Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** dan lain-lain program kesedaran yang akan dijalankan sekitar kampus UniMAP.

Sasaran bagi Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kali ini adalah kepada staf pentadbiran kerana mereka adalah pentadbir yang akan menguruskan perjalanan operasi pentadbiran di peringkat jabatan masing-masing. Pentadbir juga bertanggungjawab untuk memastikan segala kebajikan staf-staf di jabatan mereka terjaga selaras dengan kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Hadirin sekalian,

Antara objektif utama Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah untuk mempromosikan budaya kerja selamat kepada semua warga UniMAP dan juga IPT di sekitar Perlis. Ia juga bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja di samping dapat memahami hak dan tanggungjawab majikan dan pekerja seperti yang dinyatakan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Oleh itu, Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini bukan hanya habis setakat minggu ini sahaja. Malah minggu ini merupakan pencetus kepada pembudayaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang berterusan di UniMAP.

Dengan bertemakan “**Tempat Kerja Kita Paling Selamat**” saya berharap agar Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini dapat membuka minda dan hati staf agar bersama-sama mewujudkan budaya kerja selamat walau di mana kita berada.

Dalam setiap tugas yang dijalankan, berfikirlah dahulu sebelum melakukan sesuatu supaya tindakan yang diambil tidak membahayakan diri sendiri dan juga orang lain. Justeru itu, prinsip ini boleh dijadikan panduan semasa menjalankan tugas iaitu :-

1. Jangan mencederakan diri sendiri
(Don't hurt your self)
2. Jangan mencederakan orang lain
(Don't hurt others)
3. Jangan dicederakan oleh orang lain
(Don't hurt by others)

Hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas komitmen yang berikan oleh tuan-tuan dan puan-puan semua dalam menjayakan minggu ini.

**Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan
Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniMAP
2009.**

Wabillahitaufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.